

Teks Ucapan

Prof. Dr. D. Kamarudin D. Mudin

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah

Sempena

Majlis Pelancaran Program BeSmart

Anjuran Bersama

CIMB Foundation

&

Pusat Persediaan Sains dan Teknologi

Universiti Malaysia Sabah

8 Oktober 2017 (Ahad)

2.30 Petang

Auditorium Pasca, UMS

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Alhamdulillah rabbil alamin wassolatu
wassalamu ala asyrafil anbiya iwalmursalin wa ala
alihi wasobihi ajmain.

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera

Terima kasih saudara pengacara majlis

SALUTASI

- Mr Freddie Acho Bian, Pengarah Urusan
Tanggungjawab Korporat, Bank CIMB
Berhad;
- Profesor Madya Dr Sazmal Effendi Arshad,
Pengarah Pusat Persediaan Sains dan
Teknologi, UMS.

- Profesor Madya Dr Wardatul Akmam Din, Timbalan Pengarah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi, UMS.
- Para **TETAMU KHAS** dari Yayasan CIMB dan Bank CIMB Berhad.
- Para Pensyarah PPST
- Para pelajar yang dikasihi
- Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan kasih sayang-Nya yang mengizinkan kita hadir bersama-sama di Majlis Pelancaran Program BeSmart Anjuran Bersama CIMB Foundation &

Pusat Persediaan Sains dan Teknologi , Universiti Sabah. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah juga saya ucapkan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Saya difahamkan program ini adalah yang ulung seumpamanya dijalan di Sabah. Pihak UMS merasa amat berbesar hati dan berterima kasih kepada pihak Yayasan CIMB kerana memilih UMS. Saya difahamkan juga, program ini dijalankan dalam tiga fasa dan sehingga hari ini dua fasa telah pun dijalankan dengan jayanya.

BeSmart adalah satu program pendidikan kewangan yang disasarkan kepada golongan belia di seluruh negara dalam usaha untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran asas dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat membuat pilihan yang tepat dalam mengendalikan kewangan mereka.

Saya percaya, adalah penting untuk menyediakan golongan belia ini dengan kemahiran pengurusan kewangan agar menjadi seorang yang berdikari dalam pengurusan kewangan. Usaha murni dari pihak Yayasan CIMB ini juga saya percaya akan

dapat mengecilkan jurang statistik kebankrapan golongan belia hari ini. Program ini jelas dapat memanfaatkan kepakaran kewangan kumpulan CIMB di Malaysia dengan membawa pendidikan kewangan kepada komuniti kita khususnya golongan para belia.

Ilmu dan budaya ilmu sangat penting dalam proses pembangunan diri, organisasi, negara dan tamadun. Justeru, pendidikan dan penghayatan ilmu perlu sentiasa dimantapkan sepanjang hayat. Sepanjang pengajian di universiti, para pelajar berkesempatan untuk menimba ilmu dan

bersama-sama menghayati resam komuniti ilmuwan yang pastinya merangsang kreativiti, menjana inovasi. Saya berharap, dengan ilmu dan pengalaman yang digarap semasa para pelajar menghadiri program pengurusan kewangan BeSmart ini, dapat dimanfaatkan dalam kehidupan seharian. Kejayaan yang diperolehi bukan sahaja untuk diri sendiri, malah dapat dimanfaatkan kepada masyarakat sekeliling untuk kelestarian kehidupan.

PENUTUP

Para hadirin dan pelajar yang diraikan sekalian,

Saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas kepada para pelajar yang telah berjaya merebut peluang untuk mengambil bahagian dalam program BeSmart ini.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan tidak terhingga kepada pasukan jurulatih kewangan CIMB Foundation kerana bertungkus-lumus menjalankan tugas masing-masing dengan penuh dedikasi.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah

assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.